

| | | | |
|-------------------|--|--------------------|---------------------------|
| Headline | Kalau pemimpin terjun laut, kita nak ikut | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | Color | Full Color |
| Date | 05 Feb 2015 | Circulation | 40,000 |
| Section | Nasional | Readership | 120,000 |
| Page No | 7 | ArticleSize | 174 cm² |
| Language | Malay | AdValue | RM 2,647 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 7,940 |
| Frequency | Daily | | |



'Kalau pemimpin terjun laut, kita nak ikut?'

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, sudah menjadi kelaziman beliau selaku orang lama dalam politik untuk menegur pemimpin pada masa ini jika merasakan ada yang tidak betul.

"Saya nyatakan pendirian saya, sama ada orang terima atau tidak pendapat saya itu terpulang.

"Saya perlu tegur kerana kalau tidak tegur benda salah ia akan berterusan dilakukan," katanya pada sidang media selepas lawatannya ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam.

Beliau diminta mengulas tindakannya yang kerap mengkritik pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kata beliau, tegurannya itu adalah untuk kebaikan negara.

"Sayang pemimpin ditegur-tegurkan. Kalau asyik kata setuju sahaja, sampaikan kalau dia kata nak terjun dalam laut pun kita akan ikut sama, bodohlah kita," katanya.

Dalam pada itu, ketika di-



Dr Mahathir menanam pokok sebagai simbolik perasmian Majlis Pemasangan Plak Warisan Kebangsaan semalam.

tanya berhubung krisis MIC, beliau berkata, Najib adalah individu paling layak menyelesaikan masalah parti tersebut.

"MIC selalu ada masalah, jadi saya rasa orang yang boleh selesaikan masalah MIC adalah orang di luar, kalau sama-sama dia tidak boleh."

"Masa saya dulu pun berlaku juga," katanya.

Dr Mahathir berkata, ber-

dasarkan pengalamannya, beliau sendiri akan menemui pemimpin parti itu jika berdepan krisis serupa.

Najib dalam kenyataan media semalam berkata, beliau telah pun bertemu dengan pemimpin tertinggi MIC yang bertelahag dan parti itu bersetuju mengadakan pemilihan parti semula untuk menyelesaikan masalah yang timbul.